

Newspaper	Berita Harian
Date	27 May 2015

ISU 1MDB

Arul, Shahrol akan beri keterangan: PM

» PM jamin mereka hadir pada masa ditetapkan PAC

BH-27/5/2015



Najib mengadakan pertemuan dan beramah mesra dengan pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Tohoku, semalam. [FOTO BERNAMA]

Oleh Ahmad Naim Tahir dan Nazura Ngah
bhnews@bh.com.my

Sendai, Jepun

Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan, Presiden dan Ketua Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda serta bekas Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Datuk Shahrol Halmi tidak akan melarikan

diri daripada memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

"Mereka akan hadir... mereka tidak akan lari daripada PAC (memberi keterangan)," kata Perdana Menteri di sini semalam.

Najib berkata, mereka akan hadir pada masa yang ditetapkan nanti.

Ditanya sama ada jaminan sama turut diberikan oleh Arul dan Shahrol, Perdana Menteri yang berada di sini

untuk lawatan rasmi tiga hari bermula Ahad lalu, berkata: "Ya..., sudah tentu".

Tidak dapat hadir

"Mereka ada hal lain yang perlu diselesaikan (pada tarikh ditetapkan sebelum ini)," katanya.

Kelmarin, Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, mereka tidak dapat hadir bagi memberi keterangan kepada jawatankuasa atas alasan berada di luar negara.

Katanya, PAC dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan yang Arul dan Shahrol tidak dapat menghadiri sesi dijadualkan semalam kerana sedang menghadiri urusan rasmi.

Di Kula Lumpur, Arul Kanda berkata, tarikh baharu untuk beliau menghadiri prosiding PAC sedang dimuktamadkan.

Katanya, seperti yang disahkan oleh Nur Jazlan, tarikh baharu ditetapkan berikutan tarikh yang dicadangkan sebelum ini bertembung dengan komitmen jadual di luar negara yang dibuat sebelum ini.

"Kami sekali lagi mengulangi hasrat untuk memberi kerjasama penuh kepada PAC dan berharap untuk hadir di hadapan jawatankuasa itu dan mempunyai peluang untuk menjelaskan kedudukan 1MDB," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Laporan akhbar berbeza

Beliau berkata, berbeza dengan laporan akhbar baru-baru ini dan kenyataan individu tertentu, pihaknya ingin menjelaskan bahawa pada 21 Mei lalu, 1MDB menerima surat daripada Kementerian Kewangan berserta surat jemputan dihantar oleh PAC.

"Jemputan ini yang dialamatkan kepada Kementerian Kewangan meminta syarikat hadir menjawab pertanyaan PAC pada 26 Mei," katanya.

Katanya, selepas menerima surat jemputan itu, 1MDB memberi maklum balas kepada Kementerian Kewangan pada 21 Mei, hari sama syarikat itu menerima jemputan.

Sebelum ini, Nur Jazlan dilaporkan berkata, PAC memberi tempoh masa kepada Arul Kanda dan Shahrol untuk hadir pada prosiding siasatan di depan jawatankuasa berkenaan selepas kedua-dua mereka gagal hadir pada prosiding kelmarin.